

Barisan mahu kemenangan dua pertiga - Mahathir

Oleh
Razak Rashid Ghows

PARIT RAJA 10 Okt. — (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional mahu kemenangan dua pertiga pada pilihanraya umum ini supaya parti itu dapat membentuk sebuah kerajaan yang kuat.

"Sebuah kerajaan yang kuat boleh menentukan keadaan yang aman, rakyat hidup tanpa ugutan, boleh terus jalankan tugas, cari makan, berniaga dan buat kerja secara bersama," tegas Perdana Menteri.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan yang lemah tidak akan dihormati oleh pihak-pihak tertentu.

"Ini kita ada pengalaman pada tahun 1969, bukan hendak menakut-nakutkan sesiapa.

"Ia juga bukan sebagai ugutan tapi hakikat. Di mana juga ada kerajaan lemah selalu rusuhan berlaku, contohnya di Filipina kerana kerajaan yang tidak begitu kuat macam-macam boleh berlaku," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada satu perhimpunan di rumah Menteri Kebajikan masyarakat, Dato' Mustafa Mohamed di sini hari ini.

Beliau berada di sini untuk menjelaskan pengunduran Dato' Mustafa kepada para penyokong menteri berkenaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata Barisan Nasional kini menghadapi pilihanraya umum dengan kukuh dan kuat.

Parti pembangkang menurut beliau tidak mempunyai hujah dan isu terhadap kerajaan Barisan Nasional.

Sebaliknya beliau menambah parti Pas yang kononnya ditubuhkan untuk menegakkan negara Islam telah sanggup mengemukakan tujuan penubuhan negara Islam di dalam manifestonya untuk kepentingan pemimpin mereka.

Sementara itu di Alur Setar malam ini, Pengerusi Barisan Nasional, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli jangan memberi malu kepada parti kerana perselisihan faham mengenai pemilihan calon.

Katanya, dalam perlembagaan parti tidak disebut siapa harus menjadi calon sebaliknya matlamat perlembagaan supaya berjuang demi agama, bangsa dan tanahair.

Beliau memberi ingatan itu kepada kira-kira 2,000 ahli-ahli parti komponen Barisan Nasional dalam satu perjumpaan sebelum majlis pengumuman senarai nama calon BN Negeri Kedah yang bertanding dalam pilihanraya umum ini.

Di majlis itu Menteri Besar, Dato' Sri Haji Osman Aroff selaku pengerusi Barisan Nasional Negeri Kedah mengumumkan nama-nama calon pada kira-kira jam 11.15 malam.